



MESRA: Abdullah menerima kunjungan Presiden Liga Muslim Pakistan, Chaudry Shujat.

# DEB gagal kerana sikap orang Melayu

## Pak Lah mahu Bumiputera ubah sikap

BH - 22/7/2005

**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) gagal dicapai kerana orang Melayu tidak meletakkan keutamaannya di tempat yang betul.

Perdana Menteri berkata, DEB adalah satu dasar yang baik, tetapi sikap orang Melayu terhadapnya telah mencemarkan imej masyarakat itu serta menghakis kepercayaan orang lain terhadap mereka.

"Ketidakaapaian sasaran DEB bukan kerana kesilapan dasar tetapi ia antara lain disebabkan berlakunya ketirisan pada peringkat pelaksanaan," katanya.

Presiden Umno itu berkata, kelemahan pelaksanaan DEB harus di-

betulkan melalui penyemarakan perjuangan Melayu dengan pendekatan yang menjurus kepada peningkatan pendapatan mereka secara mutlak dan berpanjangan.

"Masalah yang kita hadapi ini harus ditangani dengan minda dan wadah perjuangan baru. Ia menyentuh maruah bangsa. Ia mengancam survival bangsa," katanya.

Ketika menjelaskan punca yang menjurus kepada ketidakaapaian sasaran DEB, Abdullah berkata, ia antara lain disebabkan perbuatan pihak yang mementingkan keuntungan jangka pendek.

"Permit, kemudahan, kontrak dan lesen yang diperuntukkan kepada Bumiputera diserahkan kepada

orang lain. Selepas itu, mereka meminta peluang baru, kali kedua, ketiga, keempat hingga akhirnya lahir satu angkatan Melayu yang menjadikan peranan orang tengah sebagai profesion," katanya.

Abdullah berkata, hasrat mencapai sasaran pegangan ekuiti Bumiputera juga tidak kesampaian apabila saham kuota Bumiputera dijual untuk keuntungan cepat manakala ada individu Melayu berpuas hati dengan penyertaan secara simbolik apabila diberi amanah memimpin syarikat.

"Lebih malang lagi apabila ada pula yang tidak memenuhi amanah dan melakukan penyelewengan," katanya.